

## **BAB PERTAMA**

## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### I. Latar-belakang Masalah

Seratus dua puluh tahun yang silam. Ketika Raja Abdullah dari Pugis mendarat di pengkalan Lumpur dalam perjalananannya mencari bijih, tak terlintas padanya tempat itu kemudian akan menjadi sebuah kota seperti sekarang menjadi Kuala Lumpur, ibukota pusat nadi kehidupan Malaysia.

Bagi tokoh-tokoh politik, pentadbir, pedagang, pelajar, se-niman dan terutama anak-anak muda yang memburu kesempatan, Kuala Lumpur yang lebih di kerali sebagai K.L sentiasa menjadi matlamat dan idaman. Kuala Lumpur mempunyai pelbagai wajah dan peranan. Ia merangkumi tugas sebagai kota pusat perdagangan, kebudayaan, pendidikan dan pentadbiran.<sup>1</sup>

Kuala Lumpur dengan penduduk seramai 820,000 orang adalah sebuah kotaraya yang terbentang luas. Letaknya di Pantai Barat Semenanjung Malaysia, di Lembah Kelang yang makmur dan kaya dengan biji hijau. Di sinilah bertemu Sungai Kelang dan Sungai Gombak.

Dalam tahun 1934, luas kawasannya ialah 20 batu persegi dan dalam masa tidak sampai 20 tahun, luas kawasannya menjadi 30

batu persegi.<sup>2</sup> Melalui Akta Perlembagaan (Pindaan No:2)- 1973 , kawasan bandaraya Kuala Lumpur diperluaskan daripada 93.24 km persegi kepada 243.65 km persegi.<sup>3</sup> (Lihat Lampiran A)

Wilayah Persekutuan meliputi kawasan hampir tiga kali ganda luasnya dari kawasan perbandaran yang seluas 36 batu persegi sahaja. Ia meliputi, arah ke Parat iaitu Segambut dan Sungai Pencala arah ke Timur hingga ke Damansara, arah ke Tenggara ke Sungai Besi arah ke Timur hingga ke percimpungan jalan Ulu Kelang, arah ke Utara hingga ke Taman Ibukota jalan Ipoh, Kepong, Jalan Cheras dan Kampung Datuk Keramat. Untuk lebih jelas lagi lihat lakaran peta seperti yang dilampirkan (Lampiran B).

Dengan kawasan seluas 94 batu persegi dan kadar pertumbuhan penduduknya sebanyak 4% setahun, ia dijangka mempunyai 1.6 juta penduduk menjelang tahun 1990. Menjelang tahun 1880 dulu, ibu negeri Selangor adalah Kelang tetapi kemudiannya telah berpindah ke Kuala Lumpur.

Dari Lembaga Ketersihan dalam tahun 1890, taraf Kuala Lumpur meningkat menjadi Lembaga Bandaran, setelah itu pula Majlis Perbandaran. Kemudian dalam tahun 1960 Suruhanjaya Ibukota Persekutuan ditubuhkan. Pada tahun 1972 Kuala Lumpur dianggerahkan taraf bandaraya dan pada Ihb. Februari 1974, ia menjadi Wilayah

Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum, maka hal ini amat ketara di Kuala Lumpur. Melayu, Cina dan India merupakan kaum yang terbesar di sini. Kajian menunjukkan bahawa di bandaraya Kuala Lumpur, bangsa Cina adalah merupakan kaum yang terbesar di sini berjumlah hampir 56%, kaum Melayu sebanyak 28.3%, India 14.4% dan lain-lain bangsa sebanyak 13%.<sup>5</sup>

Kuala Lumpur adalah sebuah kotaraja yang unik. Ia bukan saja terelak daripada menjadi rimba batu-bata, tetapi juga beberapa bahagiannya masih mengelarkan suasana alam desa. Kampung Baru dengan rumah-rumah kayunya, masjid dan surau yang merupakan gabungan antara sebuah kota desa yang dalam banyak hal masih setia dengan cara hidup melayu desa.

Sentul dan Brickfields pula merupakan kawasan kediaman suku bangsa India yang unik, sedangkan rumah-rumah milik keluarga dan gerai-gerai di sepanjang jalan. "Chinatown" membuktikan keteguhan budaya yang dibawa dari desa-desa di selatan China.

Hasil pembangunan secara natural telah menukar sebahagian daripada cara hidup lama. Ia telah membentuk golongan kelaz menengah yang turut membesar yang lebih cenderung memilih kawasan pinggiran kota yang moden dan bercampur-aduk penduduknya.

daripada kawasan kota yang tua. Hidup terkelompok mengikut kaum meskipun memberikan gambaran yang permai tidak lagi akan menjadi corak masa depan kehidupan kota, di mana warga Malaysia berlainan keturunan akan hidup bergandingan.

Dalam semua kawasan kota, nilai-nilai yang membawa integrasi kaum terus dipupuk menerusi Rukun Tetangga, suatu amalan kerjasama sukarela jiran tetangga yang bertujuan untuk memelihara kesejahteraan kawasan masing-masing.

Dengan sebab adanya perbauran kaum atau tangga ini menyebabkan banyak berlaku perkahwinan campuran di antara berbagai-bagi bangsa yang terdapat di Malaysia amnya dan di Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur.

Perkahwinan campur ini bukan sahaja wujud di kalangan Negaray, Cina dan India, malah sekarang ini ramai masyarakat Islam yang gemar berkahwin dengan orang Eropah dan juga dengan bangsa-bangsa yang datang dari negara-negara lain di Asia Tenggara seperti Filipina, Jepun, Thailand, Burma dan sebagainya. Untuk lebih jelas lihat lampiran C iaitu statistik perkahwinan campur yang berlaku di Kuala Lumpur.

Sebelum kita melihat serta meneliti dengan lebih jauh mengenai perkahwinan campur antara umat Islam dengan berbagai gol-

ngan bangsa ini, kita lihat terlebih dahulu apakah yang di mak -  
sudkan dengan falsafah perkahwinan itu sendiri menurut kacamata  
Islam.

## LANDASAN TEORI

### I.1 Definisi Perkahwinan

Di tinjau dari segi sosiologi erti perkahwinan menurut  
Ralph Linton ialah:

"Satu perkahwinan antara orang-orang yang  
berlainan jantina yang diiktiraf oleh  
masyarakat. Perkahwinan itu berbeza  
dengan perhubungan sex dengan secara tidak  
berkahwin ialah pada dasarnya di sebab-  
kan oleh akuan masyarakat itu. Perkah-  
winan itu sebagai satu institusi masya-  
rakat di anggap penting kerana ia me-  
ngadakan satu dasar yang kuat untuk  
perkembangan dan organisasi kelompok  
conjugal. Fungsi perkahwinan untuk menyem-  
purnakan kehendak-kehendak sex dan  
seterusnya melahirkan anak-anak adalah  
faktor kedua. 6

### I.2 Perkahwinan Dalam Islam

Telah menjadi tabiat semulajadi setiap makhluk di mukabumi  
ini memerlukan beberapa keperluan asasi di dalam hidupnya. Salah  
satu dari berbagai keperluan ini ialah keperluan jantina. Allah  
mengakui dengan firmanNya:

وَمِن كُلِّ شَيْءٍ خَلَقَنَا رَبُّنَا

لَعَلَّكُمْ لَذِكْرُهُمْ سَرُورٌ

Maksudnya:

"Dan segala sesuatu Kami ciptakan terpasang-pasang, supaya kamu mengingati kebesaran Allah."

Dari pengertian di atas dapat di fahamkan bahawa sifat berpasang-pasang ini dijadikan sebagai satu hukum alam. Sifat berpasang yang di maksudkan ini ialah perkahwinan.

Perkahwinan menurut pandangan Islam boleh dibahagikan kepada dua definisi iaitu dari segi bahasa dan istilah.

Dari segi bahasa: Perkahwinan bererti berkumpul, berhimpun atau bersatu.

Dari segi istilah: Perkahwinan bererti satu aqad yang mengandungi keharusan bersetubuh dengan menggunakan lafaz nikah, mengahwinkan atau seerti dengan kedua lafaz tersebut.<sup>8</sup>

Di dalam buku Al-Mughni Al-Muhtaj, memberikan definisi perkahwinan sebagai satu aqad yang mengharuskan lelaki dan perempuan bersatu secara halal dengan menggunakan lafaz nikah atau terjemahannya.<sup>9</sup>

Perkahwinan adalah satu perkara yang digalakkan oleh sya-

rak. Terdapat ayat Al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w yang menyatakan. Firman Allah: <sup>IO</sup>

وَإِنْ خَفْتُمْ أَلَا نُقْسِطُ لِلنِّسَاءِ فَإِنَّكُمْ حُوا  
.. طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مُثْلَدٌ وَرَبْعٌ فَإِنْ خَفْتُمْ أَلَا نُسْدِلُوا  
فَوَحْدَةً أَوْ مَامَلَكَتْ إِنْ شَكُمْ ذَلِكَ أَذْنَى أَلَا تَعُولُوا ﴿١٠﴾

Maksudnya:

"Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil terhadap hak-hak perempuan yang yatim (bila kamu mengahwininya) maka kahwinlah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak dapat berlaku adil, maka kahwinlah seorang sahaja."

Di dalam sunnah Rasulullah s.a.w bersabda: <sup>II</sup>

يَا مُغْفِرَ السَّيَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَوْزَعْ  
فَإِنَّهُ أَعْظَمُ لِلْهَصْرِ وَلِخَصْنِ الْفَرْجِ... وَمَنْ لَمْ  
يُسْتَطِعْ فَلْيَصُمْ... فَإِنَّ الضُّومَ لَهُ وِجَاءٌ

Maksudnya:

"Wahai golongan belia, sesiapa di antara kamu yang berkuasa mendapatkan belanja kahwin maka hendaklah ia kahwin kerana perkahwinan itu dapat menundukkan keliaran mata dan memelihara maruah diri, barangsiapa yang tidak berkuasa hendaklah ia berpuasa, kerana puasa boleh melemahkan nafsunya."

Hadis di atas menunjukkan bahawa Rasulullah menggalakkan berkahwin, begitu juga ulamak telah sepakat mengatakan bahawa perkahwinan itu adalah satu institusi yang di haruskan oleh syariat Islam. 12

### I.2.I Tujuan Perkahwinan Menurut Pandangan Islam.

Perkahwinan mempunyai tujuan yang besar kerana itu Islam menggalakkan umatnya berkahwin kerana iaanya boleh dinikmati oleh individu yang berkahwin itu. Antara tujuan perkahwinan itu ialah:

1. Untuk mententeramkan hidup dan menanam kasih-sayang di antara suami isteri.
2. Untuk memelihara keturunan.
3. Untuk kesihatan badan dan memelihara diri daripada penyakit yang merbahaya.
4. Memelihara diri daripada melakukan zina.
5. Untuk menimbulkan akhlak yang sempurna.
6. Untuk melatih diri sebagai pemimpin.
7. Untuk kemaslahatan masyarakat. 13

### I.2.2 Hukum Perkahwinan Menurut Islam

Hukum perkahwinan yang telah digariskan oleh syariat Islam boleh dibahagikan kepada lima peringkat iaitu:

1. Harus berkahwin

2. Wajib berkahwin
3. Sunat berkahwin
4. Makruh berkahwin
5. Haram berkahwin

### 1.2.3 Asas-asas Yang Di titik-beratkan oleh Islam Dalam Pemilihan Jodoh.

Islam merupakan agama yang syumul telah menggariskan peraturan yang lengkap bagi mencapai matlamat perkahwinan iaitu semenjak dari peringkat pemilihan jodoh. Di antara asas-asas yang di titik-beratkan oleh Islam untuk tujuan tersebut bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w iaitu:<sup>14</sup>

شَكَحَ الْمُرْأَةُ لِأَرْبَعَةٍ :  
لِهَا، وَلِيَتِنِفَّها، وَلِيَنَاهَا،  
وَلِيَنِفَّها، فَأَظْفَرَ يَدَيْهِ  
الَّذِينَ تَرَبَّتْ يَدَاهُ  
الْمُرْبِّيَنَ .

Maksudnya:

"Seorang wanita itu dikahwini oleh kerana empat daya tarikan, oleh kerana kekayaannya, keturunannya, kecantikannya, maka carilah yang ber-

agama, nescaya engkau tidak akan menyeal  
(beruntung)."

Dari pada hadis di atas jelas kepada kita bahawa agama Islam telah menetapkan beberapa pertimbangan yang harus diperhatikan sebelum mendirikan rumah tangga. Pertimbangan ataupun asas-asasnya adalah seperti berikut:

### 1. Agama dan budi pekerti

Asas pertama di dalam pemilihan bakal teman hidup sebaik-baiknya yang merealisasikan agama. Seorang perempuan yang memiliki sifat-sifat kemanusiaan, berbudi pekerti mulia serta taat kepada perintah Allah serta menjauhi larangannya. <sup>15</sup>

### 2. Kecantikan

Walaupun agama perlu di utamakan dalam pemilihan jodoh, tetapi Islam tidak milarang untuk memilih wanita yang cantik, berharta dan berketurunan baik. Oleh kerana naluri manusia suka kepada sesuatu yang cantik, maka agama Islam tidak menghalangnya.

Terdapat sebuah hadis yang bermaksud "Sebaik-baik perempuan ialah sesiapa yang dapat mengembirakan suami apabila dipandang." <sup>16</sup>

### 3. Utamakan yang jauh hubungan kekeluargaan

Agama Islam menggalakkan pemilihan jodoh di kalangan mereka yang tiada hubungan kekeluargaan. Pendapat ilmiah juga mem-

buktikan bahawa pernikahan yang berlangsung di antara keluarga yang dekat hubungannya akan menimbulkan risiko kepada keturunan - nya iaitu akan melahirkan anak ataupun keturunan yang kurang sihat fizikal atau mentalnya. <sup>17</sup>

Sebaliknya perkahwinan yang tiada hubungan kekeluargaan , terutamanya dari suku bangsa yang berlainan umumnya akan melahirkan keturunan yang tinggi tingkat kecerdasannya. Sabda Rasulullah yang bermaksud:

" Janganlah kamu berkahwin dengan saudara, maka sesungguhnya anak yang dilahirkan nanti, kesihatar dan kecerdasannya tidak sihat."

Perkara inilah yang di titik-beratkan oleh mereka yang berkahwin campur, kerana seperti yang kita tahu perkahwinan ini berlaku antara mereka yang tidak ada langsung hubungan kekeluargaan dan ada setengahnya pula beragama Islam tetapi berlainan dari segi bangsa yang menganut Islam itu.

#### 4. Perkahwinan sekufu atau setaraf

Agama Islam juga menggalakkan perkahwinan sekufu, ia bukanlah menunjukkan kepada kasta seperti yang terdapat dalam agama Hindu tetapi ia merujuk kepada aturan darjat kehidupan.

Menurut mazhab Hanafi dan mazhab lainnya, erti mukafah ataupun sekufu ini ialah sehaluan, secita-cita, sama kepentingan dan sama kedudukan orang tua. Demikian juga dari segi kekayaan . Ini menjadi dasar para wali-wali yang masih ketinggalan zaman dalam menentukan bakal suami bagi anak perempuannya. Ini yang dibuat menjadi alasan, bilamana mereka tidak menyetujui orang yang melamar terutama kedudukan dan kekayaan si pelamar.

18

Prof.Dr.Ahmad Shalaby ada menyentuh soal sekufu ini di dalam bukunya "Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam" iaitu:

"Perkahwinan yang kedapatan perbezaan di dalam taraf pemikiran dan pendidikan di antara kedua suami isteri adalah perkahwinan yang tidak menjamin kehidupan rumah tangga yang tenang." 19

Walau bagaimanapun perkara pokok yang perlu di utamakan ialah yang beragama. Hal ini tidak di nafikan kerana semua mazhab bersepakat bahawa agama sebagai asas pemilihan jodoh mendahului semua susunan kafaah yang lain.

Dengan demikian seorang wanita yang terdidik dengan baik semenjak kecil adalah lebih baik dari wanita yang baru memeluk Islam. Akan tetapi mendidik seseorang yang baru masuk Islam agar menjadi seorang yang taat adalah merupakan satu tanggungjawab dan merupakan satu kebajikan.

Manfaat seorang isteri antara wanita sejak kecil yang telah Islam dan yang baru memeluk Islam tiada bezanya, sebab tujuan perkahwinan itu menurut ayat 21, surah Ar-Rum ialah untuk mendapatkan ketenteraman (lahir-batin) di sertai kasih sayang antara keduanya.<sup>20</sup>

### 1.3 Definisi Perkahwinan Campur

Definisi perkahwinan memirut kamus ialah perihal berkahwin atau bernikah (pernikahan). Manakala perkataan campur atau campuran pula membawa maksud, barang apa yang sudah bercampur atau keadaan bercampur ataupun perbuatan bercampur dengan orang lain.<sup>21</sup>

Oleh itu perkahwinan campur boleh di ertikan sebagai perkahwinan antara laki-laki dan perempuan yang berbeza keyakinan agamanya, kebangsaannya, asal keturunannya atau kewarganegaraannya.<sup>22</sup> Misalnya perkahwinan antara laki-laki muslim warganegara Malaysia dengan perempuan daripada Eropah, Amerika, Australia, Jepun, Thailand, Filipina dan lain-lain negara.

Sebagai agama Universal, Islam memandang manusia sebagai kesatuan umat. Antara individu dan individu ataupun antara suatu bangsa dan bangsa lain tidak berlebih-kurang darjat kemanusiaannya. Yang boleh menjadi ukuran mana manusia yang lebih utama disisi Allah ialah atas dasar kuat atau lemahnya taqwa atau kepa-

tuhannya melaksanakan ajaran-ajaran agama Allah. Dalam hubungan ini Allah berfirman dalam Al-Quran surah Al-Hujurat: 13 yang ar-

tinya:

"Wahai umat manusia , sungguh kamu telah kami ciptakan dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, Kami jadikan pula kamu berbangsa-bangsa dan berwuku-wuku, agar saling mengenal satu sama lain, yang termulia di antara kamu di sisi Allah adalah yang paling taqwa, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mengenal."

Di atas dasar pandangan Islam terhadap manusia itu, dalam hal perkahwinan Islam sama sekali tidak mempersoalkan perbezaan dari segi keturunan, bangsa atau kewarganegaraan, yang menjadi persoalan ialah dari segi perbezaan agama. Islam menentukan bahan keselamatan keyakinan agama harus lebih di utamakan daripada kesenangan dunia. Lebih-lebih lagi dalam hubungan perkahwinan yang merupakan dasar pembinaan rumah tangga, keluarga dan masyarakat, faktor keyakinan agama benar-benar ditonjolkan.

### 1.3.1 Islam Nalarang Laki-laki Muslim Mengahwini Perempuan Musyrik.

Hukum Islam membahagikan agama-agama yang ada di dunia ini menjadi dua: agama-agama wahyu dan agama-agama bukan wahyu. Agama samawi (agama-agama langit, agama-agama prophetic) ialah yang berasal dari wahyu Allah kepada para Nabi untuk disampaikan kepada umat manusia. Agama-agama wahyu yang masih ada hingga sekarang

ialah: Yahudi, Nasrani dan Islam.

Agama-agama bukan wahyu (bukan samawi) ialah yang berasal dari manusia, tanpa petunjuk dari Allah dan tanpa kitab yang berasal dari wahyu Allah. Agama-agama ini tidak mempunyai Nabi dan kitab yang berasal dari Allah. Misal bagi agama ini ialah seperti agama Majusi, Watsani, Shabi'ah dan agama-agama yang ada pada waktu sekarang ini seperti agama Hindu, Buddha, Konghucu, Shinto dan sebagainya.

Di dalam Al-Quran terdapat larangan bagi lelaki muslim mengahwini perempuan musyrik, sebagaimana firman Allah:<sup>23</sup>

وَلَا نِسْكُنُوا إِلَيْنَا كَمْ حَقَّ بُؤْمَنْ وَلَا مَهْمَنْ كَمْ خَيْرٌ  
بَنْ شَرِكَةٌ وَلَا أَعْجَبَتْكُمْ

Maksudnya:

"Janganlah kamu mengahwini perempuan-perempuan musyrik, kecuali bila mereka telah beriman ; sesungguhnya budak perempuan yang beriman lebih baik daripada perempuan merdeka yang „musyrik, sekalipun ianya mempersonakan kamu.

Pengertian perempuan musyrik yang tidak boleh dikahwini lelaki muslim itu di perluas hingga merangkumi perempuan yang percaya adanya banyak tuhan, percaya adanya tuhan selain dari Allah atau mereka yang samasekali tidak percaya adanya Tuhan

serta tidak mengakui adanya Kitab-kitab Allah dan hari Akhirat.

Islam milarang perkahwinan antara lelaki muslim dengan perempuan muayrik dalam pengertiannya yang luas itu terutama sekali dimaksudkan agar keselamatan dan keyakinan agama suami dan anak-anak benar terjamin, demikian juga agar keserasian hidup berumah-tangga terjamin dan dapat dicapai. Lebih jelas lagi bila ditekankan kepada pendidikan agama anak-anak yang sebahagian besarnya terletak di tangan ibu. Kita dapat bayangkan betapa sukarinya menanamkan pendidikan agama Islam kepada anak-anak yang ayahnya beragama Islam sedangkan ibunya beragama Buddha, India, Kristian dan sebagainya, yang sama sekali tidak mempunyai titik pertemuan dengan agama Islam.<sup>24</sup>

### 1.3.2 Islam Mengizinkan Lelaki Muslim Berkahwin Dengan Perempuan Ahli Kitab.

Berbesa halnya dengan perempuan muayrik, Islam mengizinkan lelaki muslim mengahwini perempuan ahli Kitab, iaitu perempuan beragama Yahudi atau Nasrani. Al-Quran surah Al-Maidah: 5 yang menyatakan mengenai hal ini, yang ertinya:

"Pada hari ini telah dihalalkan bagimu hal yang baik-baik; makanan binatang (semelihan) orang-orang yang diberi kitab halal bagimu; dan makanan kamu halal bagi mereka; dan dihalalkan bagimu mengahwini pe-

rempuan-perempuan yang baik-baik, yang sen-jaga kehormatan dirinya di antara perempuan yang beriman, dan perempuan baik-baik di-antara mereka yang diberi kitab sebelum kamu, bila kamu telah membayar mahar mereka dengan maksud mengahwini mereka, bukan ber-sina dan bukan pula menjadikan mereka seba-gai gundik-gundik."

Ayat Al-Quran yang membenarkan lelaki muslim mengahwini perempuan ahli kitab itu dengan jelas membezakan hukum mengahwini perempuan muayrik sebagaimana disebutkan di dalam surah Al- Baqarah: 221, meskipun di tinjau dari ajaran tauhid yang murni, se-perti yang diajarkan dalam Al-Quran . Kaun ahli kitab banyak yang menyimpang.

Islam memberi kesempatan kepada lelaki muslim untuk me-ngahwini perempuan ahli kitab, oleh kerana adanya titik perte-muan antara ajaran-ajaran agama mereka dengan ajaran Islam. Hal ini terjadi oleh kerana berasal dari satu sumber, iaitu wahyu Allah. Baik Yahudi, Nasrani maupun Islam mengajarkan iman kepada Allah, hari Akhirat, kepada Kitab-kitab Allah, malaikat dan para Rasul.

Perkahwinan antara lelaki muslim dengan perempuan ahli kitab bertujuan untuk membuktikan bahawa Islam sentiasa memupuk hubungan yang akrab, di atas dasar rasa kasih sayang agar benar-benar dirasakan betapa tinggi nilai ajaran Islam dan Islam ada-

lah agama Allah yang benar-benar menyempurnakan agama wahyu sebelumnya.

Dengan demikian di harapkan bahawa isteri ahli kitab itu akan tergerak hatinya untuk menerima kebenaran Islam, meskipun Islam tetap menjamin kebebasannya untuk berpegang teguh kepada agama asalnya, Yahudi atau Nasrani.

Dapat ditambahkan , dalam perkahwinan antara lelaki muslim dengan perempuan ahli kitab, pimpinan rumah tangga tetap berada di tangan suami, sebagaimana halnya dalam perkahwinan antara lelaki dan perempuan muslim, sesuai dengan ketentuan Al-Quran di dalam surah An-Nisa': 34 yang bermaksud:

"Kaum lelaki adalah pemimpin kaum wanita kerana Allah telah memberikan kelebihan kepada sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita) dan kerana mereka (lelaki) telah membelanjakan sebahagian daripada harta mereka....."

Sebagai lelaki muslim yang memegang pimpinan dan tanggung-jawab rumah tangga, suami berkewajipan membina kehidupan keluarganya agar sentiasa mengikuti tuntutan Islam, di atas dasar keyakinannya bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang sah di sisi Allah dan yang benar-benar menjamin keselamatan dan kebahagiaan hidup rohani dan jasmani, duniawi dan ukhrawi. 25

Walaupun Islam mengizinkan perkahwinan lelaki muslim dengan ahli kitab yang perempuan tetapi ini tidaklah mutlak. Islam masih mengaitkan dengan keselamatan agama suami dan anak-anaknya. Nahkan juga dengan jaminan keselamatan agama Islam dan umat Islam pada umumnya.

Dengan demikian, misalnya dalam perkahwinan lelaki muslim dengan perempuan ahli kitab, suami tidak akan mungkin memegang pimpinan rumah tangga, cleh kerana posisinya yang lemah, hingga isteri ahli kitablah yang nantinya memegang pimpinan keluarga , suami harus tunduk, anak-anaknya pun akan tersalur untuk mengikuti agama ibu, maka keisianan perkahwinan lelaki muslim dengan perempuan ahli kitab itu tidak berlaku baginya.

Lebih-lebih lagi terdapat kekhawatiran yang mana berkesempatan suami muslim itu akan tertarik untuk berpindah agama meninggalkan Islam dan mengikuti isterinya.

### 1.3.3 Perkahwinan Antara Perempuan Muslimah dengan Lelaki Non-Muslim.

Islam tidak membenarkan perkahwinan antara perempuan muslimah dengan lelaki non-muslim , berdasarkan firman Allah dalam Al-Quran surah Al-Bagarah; 221 yang menyatakan:

مِنْ شُرِّكَةِ وَلَا أَعْجَبْتُكُمْ وَلَا شِرِّيكُوْا لِشَرِّكِينَ حَقٌّ  
يُؤْمِنُوا وَلَعَبْدَ تُؤْمِنُ خَيْرٌ مِنْ شَرِّكِهِ وَلَا أَعْجَبْكُمْ أَذْنَابُ

Maknudnya:

"jangan pula kamu menikahkan lelaki musyrik (dengan perempuan mukminat), kecuali setelah mereka beriman.. Sesungguhnya hamba lelaki mukmin lebih baik daripada lelaki merdeka musyrik, walaupun amat menarik hatimu..."

Dalam Al-Quran surah Al-Mumtahanah: 10 terdapat pula penerangan yang ertinya:

"Mereka (perempuan mukminat) tidak halal bagi (menjadi) isteri mereka (lelaki kafir) dan mereka (lelaki kafir) itu pun tidak halal menjadi suami mereka (perempuan mukminat)....."

Yang di maksud dengan lelaki kafir dalam ayat yang akhir itu ialah semua orang yang tidak beriman kepada Allah, kepada Al-Quran sebagai Kitab Allah yang terakhir atau tidak beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w sebagai Nabi dan Rasul penutup.

Dalam suatu riwayat disebutkan bahawa pada masa Khalifah Umar, terdapat seorang isteri dari suku Bani Taghib memeluk Islam, tetapi suaminya tidak mahu mengikuti jejak isterinya. Khalifah telah memutuskan perkahwinan mereka, sebab Islam tidak mengizinkan perempuan muslimah menjadi isteri lelaki non-muslim.

Tindakan khalifah Umar itu tidak mungkin berdasarkan pendapatnya sendiri, tetapi berdasarkan atas apa yang pernah diperolehinya dari Nabi Muhammad s.a.w .

Islam melarang perempuan muslimah berkahwin dengan lelaki kafir untuk menjaga keselamatan agama perempuan itu, jangan sampai meninggalkan agamanya kerana pengaruh suaminya. Demikian juga dengan anak-anak agar jangan sampai terpengaruh dengan agama ayah mereka yang kafir itu. Di samping itu Islam tidak membenarkan umatnya tunduk dan patuh kepada orang-orang yang tidak beragama Islam.<sup>26</sup>

#### 1.4 Perkahwinan Campur Di Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan).

Kita biasa mendengar orang mengatakan jodoh pertemuan ditangan Tuhan dan kita tidak dapat menafikannya. Misalnya jika ditinjau di negara Malaysia semoga dan di Wilayah Persekutuan khususnya yang terdiri dari masyarakat berbilang kaum seperti bangsa Melayu, Cina, India, Sikh, Eropah dan lain-lain. Ini sudah tentu menggalakkan perkahwinan campur di antara mereka.

Kita ketahui bahawa perkahwinan campur ini bukanlah berlaku pada masa sekarang ini sahaja, malah ianya telahpun berlaku pada masa kesultanan Melaka lagi iaitu di mana Sultan Mansor Syah mengahwini puteri Hang Li Po, salah seorang anak maharaja China.

Jadi di sini perkahwinan campur yang berlaku sekarang ini bukan - lah sesuatu yang baru, malah ia telah wujud sejak lama dulu .

Dahulu orang Asia amat sukar menerima menantu berbangsa asing khasnya orang Melayu, kerana perkahwin dengan bangsa lain bererti mencari sebab dipulaukan oleh keluarga.

Bagaimanapun sikap ini mulai berubah. Dari bandar menyusur ke desa, pandangan dan penerimaan masyarakat Malaysia amnya mulai berubah, ianya beransur-ansur dicuci oleh arus kemodenan. Pintu hati mereka kini telah terbuka dalam soal kahwin campur. Tentangan dari keluarga kedua-dua belah pihak sudah tidak sehebat 10 - 20 tahun yang lalu.

Mereka memahami sebagai penduduk negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum ini, perkahwinan campur sudah tidak dapat dilakkan. Biar bagaimana cuba mengelak lambat-laun ia akan berlaku. Ini jelas terbukti sekarang, justeru itu ramai keluarga yang mengambil jalan damai iaitu dengan menerima menantu mereka yang terdiri dari bangsa asing itu sebagai salah seorang dari ahli keluarga mereka.

Bagi masyarakat Melayu, perkahwinan ini tidak dihalang lagi asalkan sebelah pihak sanggup memeluk Islam. Manakala kepada

kebum India dan Cina yang beragama kristian ataupun Buddha, soal agama tidak timbul walaupun mereka berbeza bangsa.

Begitupun perkara ini tidak tamat di sini saja. Sebaliknya beberapa masalah berbangkit. Ibarat kata pepatah "keluar mulut harimau, masuk kemulut buaya". Selesai saja satu masalah timbul masalah lain. Jika dulu soal penerimaan jadi penghalang, kini soal pegangan dan peribadi di pertikaikan.

Kita dapati perkahwinan campur ini wujud di kalangan mereka yang berpendidikan tinggi, lazimnya berkelulusan luar negeri ian di kalangan mereka yang berpangkat tinggi. Mereka ini sama ada mempunyai kedudukan sebagai pegawai atasan ataupun tokoh di dalam sesuatu perniagaan. Jarang kita dapati perkahwinan campur antara golongan yang berpendapatan rendah kerana peluang mereka untuk berbuat begini adalah tipis.<sup>27</sup>

Oleh itu kita dapati perkahwinan campur di kalangan mereka yang berpendapatan tinggi dan berkelulusan luar negeri adalah lebih tertumpu kepada bangsa Eropah dan bagi mereka yang berpendapatan sederhana atau rendah lebih tertumpu kepada bangsa Cina, India, Serani dan lain-lain.

- 1 Kuala Lumpur, Satu Terbitan PTW Communication, n.s 6 - 7.
- 2 Penerangan Bagi Kuala Lumpur, Unit Perhubungan Awam Dan Kebudayaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, n.s 2.
- 3 Laporan Tahunan 1985, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, n.s 5.
- 4 Opcit, n.s 3 .
- 5 Dr. Manjit Singh Sidhu, Kuala Lumpur And It's Population, n.s 7 - 8, Printed By University Of Malaya Press, 1978 .
- 6 Linton, Ralph, The Study Of Man, Appleton Century Co. New York, 1963 . n.s 173.
- 7 Al-Quran, Surah Adz-Zariyat : 49.
- 8 Muhammad al-Syarbini al-Khatib, Miqni al-Muhtaj, Jusu' 3, Maktabah wa Matbaah, Mustafa al-Babbi al-Habir, Mesir, 1377 - 1958 H . n.s 122.
- 9 Muhammad al-Syarbini al-Khatib, al-Iqna', Jusu' 2, Beirut: Darul Fikr. n.s 115.
- 10 Al-Quran, Surah An-Nisa' : 3.
- 11 As-Suna'ni, Muhammad Bin Ismail, Subulus Salam, Jusu' 3, Mesir, 1369 - 1950 H. n.s 109.
- 12 Badran Abu Ainain Badran, Ahkam ZiwaJ wal Talaq Fil Islam,

- 13 Tariq Ismail Kakia, al-Ziwa al-Islami, Kamaluddin Mustafa, Petaling Jaya Selangor, Pustaka Salam, m.s 27 - 28.
- 14 Iman al-Hafiz al-Misunnif Abi Dawi Sulaiman Ibnu al-As'at, Sunan Abu Daud, Jilid 2, m.s 219.
- 15 Opcit, m.s 38.
- 16 Al-Hadis, riwayat oleh Yasai' dari hadis Abu Hurairah .
- 17 Opcit, Tariq Ismail Kakia, m.s 47.
- 18 Dr. Mustafa Sibai', Terjemahan Saudara Halimuddin, Manita Menurut Syariat Islam Dan Peradaban Noden, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, Cetakan 1986. m.s 52.
- 19 Prof. Dr. Ahmad Shalaby, Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam, Singapura, Pustaka Nasional, 1971. m.s 55.
- 20 Panji Masyarakat, 1 - 11, Safar 1410 Hijrah (11 September 1989), m.s 49.
- 21 Kamus Bahasa Malaysia (Edisi Pelajar), Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, m.s 84 dan 238.
- 22 Ahmad Ashar Bashir, Kahwin Campur, Adopai Dan Wasiat Menurut Islam, Penerbit PT al-Maarif, Bandung, Cetakan ke 2, 1981 . m.s 5.

23 Al-Quran, Surah Al-Baqarah : 221.

24 Opcit, m.s 9 .

25 Ibid, m.s 13.

26 Ibid, m.s 16.

Jelita, November 1987. m.s 70 - 71 .